

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PGT 462 : Pengelolaan dan Penyeliaan Sekolah

Masa : [3 jam]

Pilih dan jawab empat (4) soalan saja.

1. Bidang-bidang berikut mempunyai kaitan dengan sistem penyeliaan:
(a) pembentukan kurikulum,
(b) penyeliaan staf dan
(c) mengatur kursus dalam perkhidmatan.

Bincangkan dua (2) daripada bidang-bidang tersebut.

[25 markah]

2. Di antara komponen-komponen sistem penilaian ialah
(a) rating rakan sejawat,
(b) rating sendiri dan
(c) penilaian pelajar (student assessment).

Bincangkan dua (2) daripada komponen-komponen tersebut.

[25 markah]

3. Bagaimanakah proses-proses penyeliaan berlaku di sekolah dan jelaskan kelemahan-kelemahannya?.

[25 markah]

4. Penyelia yang ingin mencetuskan potensi manusia menggunakan kuasa kumpulan (group power) bagi mengadakan persekitaran kerja (working environment) dengan berasaskan, di antaranya, elemen-elemen berikut:
(a) semua manusia mempunyai rasa kekitaan,
(b) semua orang digalakkan meneroka (explore),
(c) intrepetasi individu akan dihargai dan
(d) mencari staf yang "heterogeneous".

Bincangkan dua (2) daripada elemen-elemen tersebut di atas.

[25 markah]

...2/-

5. Bincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan “perbincangan sebelum penyeliaan” (preobservation) ATAU “perbincangan selepas penyeliaan” (postobservation)

[25 markah]

6. Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan semasa penyeliaan klinikal (clinical supervision).

[25 markah]

- ooo0ooo -